

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' INDERA MOHD SHAHAR BIN
ABDULLAH [PAYA BESAR]**

SOALAN

**Dato' Indera Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar] minta
MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan :**

- a. senarai syarikat pengangkutan muatan secara udara, kereta api dan darat serta nyatakan hasil perolehan syarikat mulai tahun 2000 sehingga 2023; dan
- b. berapa jumlah tempat penyimpanan gudang muatan dan cecair serta nyatakan hasil perolehan syarikat mulai tahun 2000 sehingga 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sektor perkhidmatan logistik dan pengangkutan merupakan tulang belakang ekonomi negara dalam menggalakkan aktiviti perdagangan, meningkatkan kecekapan perniagaan dan merancakkan pertumbuhan ekonomi.

2. Bagi sektor udara, syarikat yang berhasrat untuk menjalankan aktiviti mengangkut penumpang, mel atau kargo di lapangan terbang hendaklah memohon lesen daripada Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM). Sehingga Jun 2024, jumlah pemegang Lesen Perkhidmatan Udara (ASL) ialah 10 syarikat, Permit Perkhidmatan Udara (ASP) ialah 13 syarikat dan Lesen Pengendali Darat (GHL) ialah 34 syarikat.

3. Bagi sektor darat, terdapat tiga badan utama yang mengeluarkan lesen operasi untuk menjalankan aktiviti mengangkut barangan. Sehingga Jun 2024, jumlah pemegang lesen adalah seperti berikut:

Bil.	Agensi/Lembaga	Jumlah Pemegang Lesen
1.	Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)	40,485
2.	Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah	5,385
3.	Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak	7,919

4. Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) adalah syarikat yang menyediakan perkhidmatan pengangkutan penumpang dan kargo serta dimiliki sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan (MOF).

5. Berdasarkan maklumat yang diterima daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), terdapat sebanyak 30 Pusat Pengagihan dan Gudang Simpanan. Pusat pengagihan tersebut terbahagi pula kepada 26 di Semenanjung dan empat di Sabah. KPDN juga tidak mempunyai rekod berkaitan hasil perolehan syarikat berkenaan memandangkan ia adalah maklumat sulit pihak syarikat.

Sekian, terima kasih.